

07/09/2001

MSC tumpu pembangunan usahawan, pembelajaran

Zulkofli Jamaludin; Wan Hazmir Bakar; Hizral Tazzfiz Hisham
CYBERJAYA, Khamis - Koridor Raya Multimedia (MSC) akan memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan teknologi tempatan dan pembelajaran jarak jauh di sekolah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, usaha itu untuk kepentingan langsung negara terutama bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pendidikan selepas memberi tumpuan kepada usaha menarik syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) utama dunia, melabur di MSC.

Langkah itu, kata beliau, sejajar cadangan yang terkandung dalam laporan perunding MSC serta hasrat kerajaan membangunkan syarikat ICT tempatan serta sumber manusia bermula dengan pendidikan di sekolah.

"Kita mahu mengubah cara kita mengajar pelajar di bilik. Kita sedang membangunkan perisian baru yang membolehkan pengajaran dengan teknik baru," katanya pada sidang akhbar hari pertama Mesyuarat Kelima Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) sini, hari ini.

Mesyuarat tiga hari mulai hari ini yang dipengerusikan Perdana Menteri itu membincangkan pelbagai perkara termasuk kesan kelembapan ekonomi Amerika terhadap pembangunan ICT.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; dan Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Antara ahli IAP ialah Penasihat Kanan Centre for Strategic & International Studies (CSIS), Diana Lady Dougan; Pengarah Urusan Culter & Company Pte Ltd, Dr Terry Cutler; Pengerusi dan Ketua Pegawai Operasi Infosys Technologies Limited, N R Narayana Murthu; Pengerusi Emeritus NEC Corporation, Datuk Dr Tadahiyo Sekimoto.

Mengenai laporan perunding, Dr Mahathir berkata, ia antara lain mencadangkan MSC memperkenalkan aplikasi perdana baru selain memperhebatkan usaha pengeluaran produk multimedia.

Beliau berkata, laporan itu juga mencadangkan supaya lebih banyak syarikat tempatan menyediakan perkhidmatan berkaitan MSC dan tidak bergantung kepada syarikat asing.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, ketika ditemui berkata, mesyuarat kali ini turut menyentuh masa depan serta keperluan prasarana bagi melaksanakan program pembelajaran jarak jauh itu.

"Persoalan seperti apakah kita memerlukan jaringan berjalur lebar, bagaimana untuk membangunkan bahan serta kaedah pengajaran dan jenis perisian juga dibangkitkan," katanya.

Musa berkata, pada masa ini konsortium yang diketuai Telekom Smart School Sdn Bhd (STS) sedang membangunkan perisian kandungan kursus merangkumi mata pelajaran bahasa Melayu dan Inggeris, matematik serta sains.

Katanya, perisian kandungan kursus itu tetap menjadi teknologi teras untuk sekolah bestari walaupun ada banyak inisiatif baru yang sama sedang dibangunkan sektor swasta.

Perisian berkenaan boleh digunakan sebagai pelengkap kepada apa yang dibangunkan STS, katanya.

(END)